

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pembangunan fasiliti rawatan pesakit-pesakit yang positif COVID-19 dalam jangka masa panjang (endemik) di klinik-klinik kesihatan (KK) di kawasan berkepadatan tinggi seperti di KK Batu 9, Hulu Langat serta KK Rinching Tengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sedang merancang untuk membina bangunan berbumbung di klinik-klinik kesihatan yang terpilih di Negeri Selangor bagi kemudahan rawatan pesakit-pesakit positif COVID-19. Dengan terbinanya bangunan berbumbung ini akan memberi keselesaan dan kemudahan kepada pesakit COVID-19 untuk mendapatkan rawatan dengan penjarakan fizikal daripada pesakit lain seperti ibu mengandung.
2. Pada fasa 1 pelaksanaan, sebanyak 18 buah klinik kesihatan telah dikenal pasti untuk membina bangunan tersebut. Bagi Daerah Hulu Langat, dua (2) klinik kesihatan telah dikenal pasti untuk projek pembangunan bangunan berbumbung iaitu Klinik Kesihatan Kajang dan Klinik Kesihatan Nirwana. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.
3. Berhubung dengan KK Batu 9, Hulu Langat buat masa ini, perkhidmatannya disokong oleh dua klinik yang berdekatan iaitu, Klinik Kesihatan Batu 14 (berjarak 7km) dan Klinik Kesihatan Bandar Tun Hussein Onn (berjarak 7km). Manakala Klinik Kesihatan Rinching Tengah yang beroperasi di dalam bangunan KD2G pula disokong oleh dua klinik kesihatan berdekatan, iaitu Klinik Kesihatan Beranang (berjarak 4km) dan Klinik Kesihatan Semenyih (berjarak 8km).
4. Selain itu, pembinaan KK Semenyih baru dengan kemudahan rawatan penyakit berjangkit yang telah diluluskan semasa Rancangan Malaysia ke-11 dijangka siap pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.